

Transformasi Nasional 2050 (TN 50)& Generasi Y, Z , Alfa

Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister

zahidhamidi.com

November 27, 2016

Oleh Admin

Selepas agenda Wawasan 2020, kita akan melangkah untuk melihat apakah rupa bentuk bangsa kita, negara kita, sistem ekonomi kita, produk-produk serta sesuatu yang baik yang akan dilakukan untuk 30 tahun akan datang. Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang digagaskan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak merupakan dasar futuristik bagi memeta hala tuju negara untuk tempoh 30 tahun selepas tahun 2020.

Siri wacana peringkat nasional akan digerakkan oleh kerajaan ke arah membentuk intipati Transformasi Nasional tersebut. Saya memberi sokongan yang penuh terhadap pengenalan transformasi TN50 ini kerana ia penting bagi memastikan generasi akan datang bersama dengan kerajaan dalam membentuk hala tuju negara. Pada tahun 2057, negara kita akan berada di ambang 100 tahun kemerdekaan, tentunya transformasi nasional yang baru ini amat diperlukan supaya generasi Y yang ada serta generasi Z dan generasi Alfa mempunyai saham dan input bersama untuk membentuk masa depan negara ini.

Generasi Alpha adalah gelaran kepada generasi yang lahir pada tahun 2010 hingga sekarang. Generasi Y atau Generasi Millenium pula adalah generasi yang lahir di antara tahun 1977 hingga 1997. Manakala, Generasi Z atau Generasi Net pula adalah adalah generasi yang lahir pada tahun 1998 hingga tahun 2009.

Ketiga-tiga generasi ini mempunyai karakteristik ketara yang berbeza di antara mereka dari segi menafsirkan proses kehidupan, teknologi, kecenderungan, cara berkomunikasi dan bersosial itu sendiri.

Mereka inilah yang akan berdepan dengan segala pelan, rintangan dan kemungkinan menjelang tahun 2050 semasa proses dasar Transfosmasi ini dilaksanakan. Generasi-

generasi inilah juga yang akan menerima baik atau buruknya sesuatu perancangan yang disusun dan digunapakai.

Kerana itu pada hemat saya, salah satu daripada 3 fokus utama pada Perhimpunan Agung UMNO 2016 kali ini ialah ke arah bagaimana satu transformasi untuk menuju 30 tahun akan datang yang akan diterjemahkan melalui program Transformasi Nasional 50 di mana kita mahu mendengar suara daripada adik-adik dan anak-anak kita, daripada Pemuda dan Puteri untuk menyuarakan apakah bentuk dan molekul yang perlu dihadamkan bagi membina masa depan anak-anak kita dan cucu-cucu kita supaya UMNO terus relevan untuk 30 tahun akan datang.

Dan ketika itu, UMNO akan berusia 103 tahun apabila kita mencapai 2050, tentunya terlalu banyak produk baharu yang diharapkan oleh generasi akan datang.

Selaku Naib Presiden UMNO yang kini menjalankan tugas Timbalan Presiden parti itu, TN50 juga akan mengambil kira pandangan dan idea daripada semua pihak berkepentingan supaya produk yang dihasilkan memenuhi cita rasa mereka sendiri. Jangan kita tinggalkan satu kumpulan pun supaya semua rakyat akan merasakan TN50 adalah sebahagian daripada mereka dan produk yang mereka lontarkan supaya ia menjadi satu dasar yang diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan.

Dalam masa yang sama, UMNO dan Barisan Nasional (BN) komited untuk mencapai sasaran Wawasan 2020, yang kini berbaki tiga tahun lagi. Tidak ada benar kononnya kita mahu menghapuskan legasi pemimpin sebelum ini, malah Wawasan 2020 adalah agenda negara yang akan terus dilaksanakan meskipun pengasasnya kini tidak lagi berada dalam parti pemerintah.

Saya berpendapat bahawa kita harus membezakan adakah itu wawasan peribadi seseorang atau pun negara. Kita komited untuk melaksanakannya sebagai wawasan negara biarpun orang itu berada di luar gelanggang. Saya juga tidak nampak TN50 ini sebagai agenda

peribadi YAB Datuk Seri Najib tetapi ia adalah agenda Nasional yang merupakan kesinambungan daripada Wawasan 2020.

Wawasan 2020 mempunyai matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Insya-Allah, kita akan mencapai keadaan itu dengan pendapatan per kapita sebagaimana yang pernah diunjurkan walaupun kita mempunyai kekangan untuk mencapai GDP atau Keluaran Dalam Negara Kasar pada purata lapan peratus dengan kekangan faktor-faktor luar dunia.

Saya yakin kita akan berada pada tahap negara maju dengan elemen lain termasuk prasyarat untuk mencapai tahap negara maju. Kita mahu menuju TN50, ertinya kita akan teruskan agenda 2020 dan kita akan wujudkan agenda baharu untuk membawa generasi yang berbeza bagi memenuhi cita rasa mereka sendiri.

©2016 Copyright Reserved zahidhamidi.com, Blog at WordPress.com.

Source: <https://zahidhamidi.com/transformasi-nasional-2050-tn-50-generasi-y-z-alfa/>